



International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education

<https://www.akademiabaru.com/submit/index.php/frle/index>

ISSN: 2821 - 2800



A Study on the Effectiveness of the Smart Solat@UPIM Program

Nor Aisyah Othman¹, Hayati talib@Wahab¹, Yusidawati Yusof^{1,*}

¹ Department of General Studies, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Semambu, 25350 Kuantan, Pahang, Malaysia

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan Program Smart Solat@UPIM yang dilaksanakan dalam kalangan pelajar Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah. Program ini dirancang bagi memperkukuh kefahaman dan penghayatan ibadah solat melalui pendekatan pengajaran interaktif dan penggunaan bahan bantu multimedia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui edaran soal selidik kepada pelajar dari tiga jabatan iaitu Teknologi Makanan, Kejuruteraan Awam dan Perdagangan. Data dikumpulkan daripada 130 orang peserta yang memberikan respons positif terhadap pencapaian objektif program, keberkesanan kandungan, penyampaian penceramah dan keberkesanan bahan multimedia. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti peserta memberikan skor tinggi terhadap semua aspek yang dinilai. Penemuan ini disokong oleh teori psikologi seperti Teori Hierarki Keperluan Maslow, Teori Perkembangan Psikososial Erikson, dan Teori Pembelajaran Sosial Bandura yang menekankan aspek perkembangan spiritual, identiti dan pembelajaran melalui pemerhatian. Kajian ini mencadangkan pelaksanaan program berskala lebih luas, dengan penambahan modul lanjutan, latihan praktikal, serta pemantauan jangka panjang untuk menilai keberkesanan program secara menyeluruh. Program ini terbukti sebagai inisiatif efektif dalam membentuk sahsiah dan identiti keagamaan pelajar politeknik, serta boleh dijadikan model pelaksanaan pendidikan Islam di institusi pengajian tinggi lain.

This study aims to evaluate the effectiveness of the implementation of the Smart Solat@UPIM Program carried out among students of Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah. The program was designed to strengthen students' understanding and appreciation of the Islamic prayer (solat) through interactive teaching methods and the use of multimedia learning aids. This study employed a quantitative research design by distributing questionnaires to students from three departments: Food Technology, Civil Engineering, and Commerce. Data were collected from 130 participants who gave positive responses regarding the achievement of the program's objectives, the effectiveness of the content, the delivery by the speaker, and the use of multimedia. The findings show that the majority of participants gave high scores for all evaluated aspects. These results are supported by psychological theories such as Maslow's Hierarchy of Needs, Erikson's Psychosocial Development Theory, and Bandura's Social Learning Theory, all of which emphasize spiritual development, identity formation, and learning through observation. This study recommends a wider-scale implementation of the program, with the inclusion of advanced modules, practical training, and long-term monitoring to assess its overall effectiveness. The program has proven to be an effective initiative in shaping the character and religious identity of polytechnic students and can serve as a model for implementing Islamic education in other institutions of higher learning.

Keywords:

Keberkesanan; Smart Solat; psychological theories

Received: 25 January 2025

Revised: 6 February 2025

Accepted: 7 March 2025

Published: 20 March 2025

* Corresponding author.

E-mail address: noraishah.othman@polisas.edu.my

<https://doi.org/10.37934/frle.38.1.6268>

1. Pengenalan

Program Smart Solat@UPIM merupakan satu usaha yang dilaksanakan untuk memberi kefahaman dan penghayatan mendalam terhadap ibadah solat dalam kalangan pelajar politeknik. Ibadah solat merupakan komponen asas dalam kehidupan spiritual seorang Muslim dan memainkan peranan penting dalam membentuk nilai, sikap dan tingkah laku yang positif. Keberkesanan program-program kerohanian seperti ini bergantung kepada pendekatan penyampaian, kandungan, serta kesediaan peserta untuk mengaplikasikan ilmu yang diperoleh [10].

Dalam era digital ini, penggunaan teknologi seperti multimedia turut memperkuat proses pengajaran dan pembelajaran, di mana penyampaian yang bersifat interaktif, visual dan audio memberi kesan mendalam terhadap pemahaman peserta [14]. Hubungan interpersonal antara penceramah dan peserta juga menjadi faktor utama kejayaan program, di mana gaya komunikasi dan pendekatan yang digunakan mampu memotivasikan pelajar untuk menghayati ilmu yang disampaikan [1].

Dari sudut psikologi, keberkesanan program ini dapat dijelaskan melalui beberapa teori utama. Teori Hierarki Keperluan Maslow [11] menekankan aktualisasi sendiri sebagai tahap tertinggi keperluan manusia. Ibadah solat sebagai medium spiritual membantu memenuhi keperluan ini, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan diri dan kestabilan emosi pelajar.

Teori Perkembangan Psikososial Erikson (1959) pula menekankan bahawa fasa remaja dan awal dewasa adalah masa kritikal untuk pembentukan identiti. Program seperti Smart Solat@UPIM dapat menyumbang kepada pembinaan jati diri dan arah hidup pelajar melalui pendekatan yang berfokus kepada nilai-nilai agama.

Manakala menurut Teori Pembelajaran Sosial Bandura [2], proses pembelajaran berlaku melalui pemerhatian dan peniruan. Penceramah dalam program ini berfungsi sebagai model sosial yang dapat diteladani peserta, justeru memperkuat amalan solat secara berterusan yang dapat diteladani oleh peserta.

Kajian oleh Manap *et al.*, [10] menyatakan bahawa program-program kerohanian yang dilaksanakan secara sistematik dan berinteraksi secara langsung mampu membentuk nilai spiritual serta meningkatkan kefahaman ibadah dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi.

Justeru, berdasarkan gabungan pendekatan pengajaran berasaskan teknologi, interaksi sosial yang berkesan, dan asas teori psikologi, kajian ini dilaksanakan untuk menilai pelaksanaan dan keberkesanan Program Smart Solat@UPIM. Penilaian difokuskan kepada pencapaian objektif, kesesuaian kandungan, keberkesanan penyampaian penceramah, penggunaan bahan multimedia serta tahap kesediaan peserta untuk berkongsi ilmu dan melaksanakan aktiviti berkaitan.

1.2 Persoalan Kajian dan Objektif Kajian

Dalam kajian ini, persoalan kajian yang dibangkitkan adalah sejauh mana Program Smart Solat@UPIM mencapai objektif yang ditetapkan, kesesuaian kandungan program dengan keperluan peserta, keberkesanan penyampaian penceramah dan penggunaan bahan multimedia serta tahap kesediaan peserta untuk mengamalkan dan berkongsi ilmu yang diperoleh. Objektif umum kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan pelaksanaan Program Smart Solat@UPIM sebagai satu inisiatif pengukuhan amalan kerohanian dalam kalangan pelajar Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah. Objektif spesifik pula adalah untuk menilai pencapaian objektif program, kesesuaian kandungan dengan keperluan peserta, keberkesanan penyampaian penceramah dan penggunaan bahan multimedia serta mengetahui tahap kesediaan peserta untuk mengaplikasikan dan menyebarkan ilmu yang dipelajari.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk kajian tinjauan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan Program Smart Solat@UPIM. Reka bentuk ini dipilih kerana ia membolehkan pengumpulan data yang sistematik dan berskala besar daripada peserta yang terlibat.

Instrumen kajian adalah borang soal selidik yang dibina berasaskan skala likert lima mata yang mengukur tahap persetujuan responden terhadap pelbagai item berkaitan pencapaian objektif program, keberkesanan kandungan, penyampaian penceramah, penggunaan bahan multimedia dan impak program terhadap peserta. Soal selidik ini telah disemak dari segi kesahihan kandungan oleh pakar dalam bidang pendidikan Islam dan psikologi.

Populasi kajian terdiri daripada pelajar Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah yang terlibat dalam program ini. Sampel kajian melibatkan tiga jabatan utama iaitu:

- i. Jabatan Teknologi Makanan: 74 orang (56.9%)
- ii. Jabatan Kejuruteraan Awam: 28 orang (21.5%)
- iii. Jabatan Perdagangan: 28 orang (21.5%)

Kaedah persampelan secara rawak mudah digunakan bagi memastikan keterwakilan yang seimbang antara jabatan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis deskriptif iaitu menggunakan peratusan bagi menggambarkan persepsi peserta terhadap pelaksanaan dan keberkesanan program.

3. Dapatan dan perbincangan

Bahagian ini membentangkan hasil dapatan kajian berdasarkan analisis data yang telah dikumpul daripada responden. Setiap item yang dinilai melalui soal selidik dianalisis secara deskriptif bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang keberkesanan program dari sudut pelaksanaan, kandungan, penyampaian serta kesan terhadap peserta. Perbincangan turut mengaitkan dapatan ini dengan hasil kajian lepas dan teori yang relevan bagi memberikan sokongan empirikal terhadap penemuan kajian.

3.1 Penilaian Penceramah

Pembahagian item bagi peratusan penilaian penceramah seperti Jadual 1.

Jadual 1

Peratusan penilaian penceramah

Bil	Item Soalan	STS	TS	TP	S	SS
1	Objektif program tercapai	0%	9%	27%	52%	42%
2	Kandungan program yang bersesuaian	0%	9%	25%	54%	42%
3	Penyampaian yang baik dan berkesan	0%	7%	28%	53%	42%
4	Penggunaan bahan multimedia dengan berkesan	0%	7%	29%	53%	41%

Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan peratusan item untuk penilaian penceramah mengikut seksyen seperti berikut:

3.1.1 Objektif program tercapai

Sebanyak 94% (52% setuju dan 42% sangat setuju) peserta memberikan skor (setuju) dan 5 (sangat setuju), menunjukkan pencapaian objektif program pada tahap yang sangat baik. Kajian Manap *et al.*, [10] turut menyatakan bahawa keberkesanan program bergantung pada penilaian berasaskan objektif yang jelas dan pelaksanaan yang sistematik, selari dengan keperluan peserta.

3.1.2 Kandungan program yang bersesuaian

Sekitar 96% (54% setuju dan 42% sangat setuju) peserta bersetuju bahawa kandungan program bersesuaian dengan keperluan mereka menunjukkan keberkesanan dari segi isi pengajaran. Skor tinggi menunjukkan majoriti peserta berpuas hati dengan kandungan program. Hamdan *et al.*, [7] menekankan bahawa pelajar lebih memahami kandungan yang berkaitan rapat dengan konteks budaya dan sosial mereka. Oleh itu, kandungan program yang sesuai memberi kesan terhadap keberkesanan penyampaian.

3.1.3 Penyampaian penceramah

Sebanyak 95% (53% setuju dan 42% sangat setuju) peserta memberikan skor tertinggi terhadap gaya penyampaian penceramah, menunjukkan komunikasi berkesan dan interaksi yang positif. Penceramah mendapat skor tinggi dalam aspek penyampaian. Aziz and Salih [1] dalam kajian mereka menyatakan bahawa gaya penyampaian interaktif dan komunikasi terbuka membantu meningkatkan motivasi dan kefahaman peserta terhadap kandungan keagamaan. Aziz dan Salih [1] menunjukkan bahawa gaya penyampaian penceramah serta interaksi yang berkesan dengan peserta memberi kesan besar kepada keberkesanan program keagamaan. Komunikasi terbuka dan pendekatan mesra peserta membantu meningkatkan motivasi dan pembentukan nilai dalam diri pelajar.

3.1.4 Penggunaan bahan multimedia

Sebanyak 84% (53% bersetuju dan 41 % sangat setuju) bahawa bahan multimedia digunakan dengan berkesan dalam penyampaian kandungan program. Bahan multimedia turut dinilai efektif dalam menyokong penyampaian. Menurut Shafie [14], penggunaan bahan multimedia seperti visual, animasi dan audio dapat meningkatkan fokus dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran ibadah solat, menjadikan pengalaman pembelajaran lebih berkesan. Shafie [14] pula menegaskan bahawa bahan multimedia seperti video, grafik dan animasi dapat meningkatkan fokus dan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran solat, sekaligus menyokong penggunaan teknologi sebagai alat bantu pengajaran yang berkesan.

3.2 Penilaian Pelaksanaan Program

Pembahagian item bagi peratusan penilaian pelaksanaan program seperti Jadual 2.

Jadual 2
Peratusan penilaian pelaksanaan program

Bil	Item Soalan	STS	TS	TP	S	SS
1	Suasana tempat program yang kondusif	2%	7%	38%	41%	42%
2	Perancangan dan pelaksanaan program telah dibuat dengan lancar	2%	6%	34%	45%	43%
3	Masa yang diperuntukan bagi setiap program adalah sesuai	2%	6%	36%	39%	47%

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan peratusan item untuk penilaian pelaksanaan program mengikut seksyen seperti berikut:

3.2.1 Suasana tempat program

Sebanyak 83% (41% setuju dan 42% sangat setuju) peserta menyatakan suasana program adalah kondusif dan sesuai untuk pelaksanaan program kerohanian. Persekitaran pembelajaran yang selesa penting dalam menyokong keberkesanan aktiviti keagamaan. Suasana yang sesuai membantu meningkatkan tumpuan peserta, seperti dinyatakan dalam prinsip asas andragogi.

3.2.2 Perancangan dan pelaksanaan yang lancar

Sebanyak 88% (45% setuju dan 43% sangat setuju) peserta menyatakan program berjalan dengan lancar dan mengikut perancangan. Pelaksanaan program berjalan dengan baik mengikut jadual. Manap *et al.*, [10] menyatakan bahawa keberkesanan program bergantung kepada penyusunan atur cara yang kemas dan pelaksanaan yang cekap.

3.2.3 Kesesuaian masa program

86% peserta menyatakan tempoh masa program adalah sesuai dan tidak membebankan. Majoriti responden berpuas hati dengan masa yang diperuntukkan. Menurut Knowles [8], peserta dewasa menghargai pengurusan masa yang baik dalam program pembelajaran, kerana ia menunjukkan penghargaan terhadap masa mereka.

3.3 Penilaian Keberkesanan Program Terhadap Peserta

Pembahagian item bagi peratusan penilaian keberkesanan program terhadap peserta seperti Jadual 3.

Jadual 3
Peratusan keberkesanan program terhadap peserta

Bil	Item Soalan	STS	TS	TP	S	SS
1	Peningkatan pengetahuan/pemahaman berbanding sebelum ini	1%	31%	27%	30%	41%
2	Hubungan penceramah dengan peserta	2%	32%	24%	29%	43%
3	Pengetahuan yang anda perolehi	1%	29%	27%	31%	42%

Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan peratusan item untuk penilaian Peratusan keberkesanan program terhadap peserta mengikut seksyen seperti berikut:

3.3.1 Peningkatan pengetahuan dan pemahaman

71% (30% setuju dan 41% sangat setuju) peserta menyatakan mereka mengalami peningkatan kefahaman dan pengetahuan selepas mengikuti program ini. Peningkatan ini disokong oleh Teori Hierarki Keperluan Maslow [11], yang menekankan bahawa keperluan spiritual dan sendiri dapat dicapai melalui ibadah seperti solat.

3.3.2 Hubungan penceramah dan peserta

Sebanyak 72% peserta menyatakan hubungan dan komunikasi dengan penceramah adalah sangat baik. Hubungan positif ini selari dengan dapatan Bandura [2] dalam Teori Pembelajaran Sosial, yang menyatakan bahawa interaksi dengan model sosial berpengaruh meningkatkan peluang pembelajaran berkesan melalui peniruan dan pemerhatian.

3.3.3 Pengetahuan yang diperolehi

73% (31% setuju dan 42% sangat setuju) peserta bersetuju bahawa mereka memperoleh pengetahuan baharu yang bermanfaat. Responden menyatakan program menyumbang kepada pengetahuan baharu. Latif dan Mahadzir [9] menunjukkan bahawa pendekatan seperti peer coaching membantu memperkukuh pemahaman serta meningkatkan keberkesanan penguasaan ilmu.

4. Kesimpulan

Berdasarkan hasil analisis yang telah dijalankan, dapat disimpulkan bahawa Program Smart Solat@UPIM telah mencapai objektif utamanya dalam mempertingkatkan kefahaman, penghayatan dan amalan ibadah solat dalam kalangan pelajar politeknik. Program ini bukan sahaja berjaya dari sudut pelaksanaan logistik dan penyampaian kandungan, malah menunjukkan impak yang mendalam dari sudut pembentukan sahsiah, kesedaran kerohanian dan motivasi dalaman peserta.

Majoriti peserta memberikan skor tinggi terhadap pelbagai aspek yang dinilai, termasuk keberkesanan penceramah, penggunaan bahan multimedia yang interaktif, dan kesesuaian kandungan yang disampaikan. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan yang digunakan dalam program ini adalah berkesan dan relevan dengan kehendak serta keperluan pelajar masa kini.

Selain itu, kesediaan tinggi dalam kalangan peserta untuk berkongsi ilmu dan terlibat dalam aktiviti susulan berkaitan dengan program ini menandakan wujudnya perubahan positif yang ingin dikekalkan dalam diri mereka. Perkara ini turut selari dengan prinsip Teori Pembelajaran Sosial Bandura [2] yang menekankan kepentingan pemodelan tingkah laku serta pembelajaran melalui pemerhatian.

Program ini turut didapati memenuhi keperluan psikologi pelajar seperti yang digariskan dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow [11], khususnya dalam aspek aktualisasi sendiri dan keperluan spiritual. Manakala dari perspektif Erikson [5], program ini membantu pelajar melalui fasa perkembangan identiti dengan memberi mereka ruang untuk meneroka nilai dan pegangan hidup melalui pelaksanaan ibadah solat secara berstruktur.

Keseluruhannya, dapatan kajian ini mengukuhkan lagi rasional dan keperluan untuk melaksanakan program berbentuk kerohanian seperti Smart Solat@UPIM secara berterusan dan berskala lebih besar. Kejayaan ini juga boleh dijadikan model amalan terbaik (best practice) yang boleh diterapkan dalam pelbagai institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Justeru, adalah dicadangkan agar program ini dikembangkan dengan menambah elemen latihan lanjutan, pendekatan interaktif yang lebih pelbagai,

dan pemantauan jangka panjang bagi menilai kesan berpanjangan terhadap pembentukan sahsiah pelajar.

Rujukan

- [1] Aziz, Abdul Razak, and Khadijah Salih. "Interaksi Penceramah-Peserta dalam Program Pendidikan Islam." *Jurnal Pendidikan Malaysia* 45, no. 1 (2020): 23–32.
- [2] Bandura, Albert. "Social foundations of thought and action." Englewood Cliffs, NJ 1986, no. 23-28 (1986): 2.
- [3] Bee, Helen L., Paul Andrew Johnson, Frederick A. Starke, and Denise Roberts Boyd. *Lifespan Development, Canadian Third Edition: TestGen 4.0, QuizMaster 3.0*. Pearson Education Canada, 2003.
- [4] Baron, Robert A., and Nyla R. Branscombe. *Social Psychology (Mumbai University), 12/E (With Cd)*. Pearson Education India, 2009.
- [5] Erikson, Erik H. *Identity and the life cycle*. WW Norton & company, 1994.
- [6] Guskey, Thomas R. *Evaluating professional development*. Vol. 1. Corwin press, 2000.
- [7] Ghani, Mohammad Hamdan Abdul, and Madya Dr Azmil Hashim. "PENGLIBATAN PELAJAR DALAM PROGRAM KEAGAMAAN DI POLITEKNIK ZON SELATAN."
- [8] Knowles, Malcolm S., Elwood F. Holton III, and Richard A. Swanson. *The adult learner: The definitive classic in adult education and human resource development*. Routledge, 2014.
- [9] Latif, Nor, and Mahadzir Mahadzir. "Kaedah Peer Coaching dalam Pendidikan Islam." *Jurnal Pendidikan Malaysia* 45, no. 2 (2020): 89–95.
- [10] Manap, Ranita, Norziah Othman, Siti Nurashidah Roslan, Khairunnisa Ismail, and Aimi Fadzirul Kamarubahrin. "Konsep dan Model Penilaian Terhadap Keberkesanan Program Kerohanian Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam (IPTI) di Malaysia." In *International Research Management & Innovation Conference*. 2018.
- [11] Maslow, Abraham Harold. "A theory of human motivation." *Psychological review* 50, no. 4 (1943): 370. <https://doi.org/10.1037/h0054346>
- [12] Morris, Charles G., and Albert A. Maisto. *Psychology: An Introduction*. 11th ed. Pearson Education, 2002.
- [13] Razak, Noor Azah, and Muhammad Musa. "Kaedah Interaktif dalam Pengajaran Pendidikan Islam." *Malaysian Journal of Education* 44, no. 3 (2019): 67–75.
- [14] Shafie, Mohd Khairi. "Keberkesanan aplikasi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran ibadah solat." *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)* 1, no. 4 (2018): 50-60.
- [15] Yahaya, Zurina. *Psikologi Pendidikan*. UTM Press, 2011.
- [16] Yahaya, Zurina, Siti Hashim, and Yeo Boon. *Psikologi Pendidikan*. UTM, 2008.
- [17] Zainal, Muhammad Zamir. "Pengajaran Praktikal Solat dalam Kalangan Remaja: Satu Kajian Eksperimen." *Jurnal Dakwah dan Pengurusan* 3, no. 2 (2017): 17–24.